

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN CHONG CHIENG JEN [ STAMPIN ]**

**SOALAN**

**TUAN CHONG CHIENG JEN [STAMPIN ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status pembangunan Hospital Petrajaya, Hospital Sri Aman dan Hospital Umum Sarawak dan apakah kos yang terlibat untuk projek masing masing.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

1. Projek pembangunan Hospital Petrajaya dengan 300 buah katil telah diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) untuk dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) tahun 2011. Projek ini dilaksanakan oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia) dengan Fasa Pembinaan bermula pada 30 Mei 2013 dan dijadualkan siap pada 30 Jun 2018. Walau bagaimanapun berikutan prestasi kemajuan projek yang tidak memuaskan, JKR telah mengeluarkan Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontraktor pada 2 Ogos 2018.

2. Projek Menyiapkan Baki Kerja Terbengkalai Hospital Petrajaya dilaksanakan secara Tender Terbuka oleh JKR. Taklimat Tender dan Lawatan Tapak telah berlangsung pada 12 Februari 2019 dengan tender ditutup pada 24 April 2019. Walau bagaimanapun, disebabkan tiada petender yang layak, maka Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) memutuskan supaya projek ini ditender semula secara Tender Terbuka (Pra Kelayakan).

3. Projek kini berada di fasa perolehan kepada para petender yang telah lulus di peringkat pra kelayakan dan tarikh tutup tender ialah pada 7 Ogos 2020. Projek kini berada dalam peringkat penilaian tender dan Surat Setuju Terima (SST) dijadualkan pada Januari 2021.

4. Manakala bagi Hospital Sri Aman, projek sedang dalam Fasa 2 pelaksanaan di mana kerja-kerja bangunan dan kerja-kerja berkaitan sedang giat dijalankan. Sehingga Oktober 2020, status sebenar kemajuan kerja di tapak ialah sebanyak 97% berbanding 86.22% jadual. Tarikh siap semasa projek ini adalah pada 6 Februari 2021.

5. Manakala bagi projek menaik taraf Hospital Umum Sarawak dilaksanakan secara *Public-Private Partnership (PPP) – Build-Lease-Maintain-Transfer (BLMT)* melalui Perolehan Secara *Swiss Challenge* yang telah dimulakan pada 28 April 2017 dengan kos pembinaan sebanyak RM351 juta. Skop projek adalah meliputi Pusat Rawatan Harian termasuk 7 Dewan Bedah, Makmal Patologi, Bank Darah, Tempat letak kereta bertingkat serta Medihotel. Status terkini projek sehingga 30 Oktober 2020 adalah 88.60% dan projek ini dijangka siap pada tahun 2021.

6. Projek menaik taraf sistem penghawa dingin dan pengudaraan Hospital Umum Sarawak pula telah memasuki tapak pada 02 Disember 2019 dengan tarikh siap semasa adalah pada 11 Ogos 2021 dengan tempoh pembinaan selama 19 bulan. Status kemajuan bagi projek ini sehingga September 2020 adalah jadual sebanyak 7.79% dan sebenar di tapak adalah 12.54%.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BERTULIS DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,  
PARLIMEN KE-14**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON  
[TEBRAU]**

**SOALAN**

**TUAN STEVEN CHOONG SHIAU YOON [ TEBRAU ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah langkah-langkah pemulihan diambil untuk meningkatkan kadar ekonomi negara dengan kerjasama Menteri-Menteri Kewangan Ekonomi Asia Pasifik (APEC).

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik atau APEC merupakan forum serantau yang terdiri daripada 21 anggota ekonomi . Ia bertujuan meningkatkan kemakmuran melalui integrasi ekonomi dengan mencapai pertumbuhan ekonomi yang seimbang dan mampan. Selain itu, APEC bertujuan menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang terangkum, inovatif dan terjamin di rantau APEC. Malaysia merupakan tuan rumah bagi mesyuarat tahunan APEC bagi 2020.

2. Untuk makluman Yang Di-Pertua, saya telah mempengerusikan mesyuarat *APEC Virtual Finance Ministers' Meeting 2020* atau AVFMM 2020 yang berlangsung pada 25 September 2020. Saya dan Menteri-menteri Kewangan APEC yang lain telah bertukar-tukar pandangan mengenai langkah mitigasi dan pemulihan masing-masing yang dilaksanakan dalam menangani kesan penularan pandemik COVID-19.

3. Selain itu, saya juga menekankan kepentingan penggunaan digitalisasi dalam memulih dan memacu pertumbuhan ekonomi APEC dalam persekitaran dunia berhadapan dengan pandemik COVID-19.

4. Langkah-langkah konvensional termasuk tindakan pentadbiran seperti Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut dibincang. Keperluan sekatan pergerakan dalam konteks domestik dan rentas sempadan antarabangsa bagi melindungi nyawa turut dibincangkan sebagai salah satu tindakan pencegahan penyebaran virus bagi membendung implikasi ekonomi yang lebih teruk.

5. Penekanan turut diberikan terhadap kepentingan kelestarian fiskal dan ketelusan dalam menyokong pembangunan mampan dan keperluan pembiayaan pada masa hadapan selain peranan Institusi Kewangan Antarabangsa (IFI) dalam membantu tindak balas dasar (*policy response*) dan membangunkan *toolkits* bagi menyokong anggota ekonomi APEC melalui krisis dan pemulihan.

6. Antara langkah yang diambil oleh anggota ekonomi APEC untuk mempercepat proses pembangunan dan penggunaan digitalisasi termasuk pelaksanaan *APEC Connectivity Blueprint 2015 – 2025*, terutamanya dalam pembangunan infrastruktur kewangan bagi meningkatkan jalinan hubungan melalui kerjasama kewangan serta pelaksanaan *APEC Roadmap on Digital Financial Inclusion*.

7. Menteri-menteri Kewangan APEC juga telah menekankan kepentingan instrumen digital dan peranan ekonomi digital dalam mengurangkan impak negatif pandemik COVID-19. Pada tahun 2020, Malaysia telah menganjurkan *APEC Gig Economy Challenge* iaitu satu pertandingan untuk menggalakkan cetusan idea dalam menangani dan seterusnya memperkukuh kedudukan dan kestabilan kewangan pekerja ekonomi gig yang terkesan oleh impak COVID-19. Pertandingan ini telah menerima banyak penyertaan daripada anggota ekonomi APEC. Tiga pemenangnya beserta idea penyelesaian berkaitan dalam meningkatkan

keterangkuman kewangan pekerja ekonomi gig telah dikongsi semasa AVFMM 2020.

8. Turut dibincang adalah keputusan meneruskan inisiatif-inisiatif sedia ada berkaitan *Disaster Risk Financing and Insurance* (DRFI) untuk mengenalpasti sumber dan pendekatan yang praktikal bagi mengurangkan kesan bencana dan menyelaraskan tindakan pemulihan pasca bencana. Dalam konteks ini, Menteri-menteri Kewangan APEC bersetuju untuk mempertimbangkan kemungkinan merangka tindakan bersepadu bagi menangani pandemik masa hadapan dalam agenda DRFI.

9. Dengan mengambil kira kemerosotan ekonomi serantau dan cabaran yang dibawa oleh COVID-19 terhadap kelestarian fiskal, Menteri-menteri Kewangan APEC menegaskan komitmen untuk menggalakkan *tax certainty* dan memastikan pematuhan peraturan-peraturan cukai yang berkuatkuasa di rantau APEC.

Mesyuarat turut menekankan kepentingan Rangka Kerja Inklusif G20 / OECD mengenai *Base Erosion and Profit Shifting* (BEPS) dalam menangani isu-isu percukaian baharu yang diwujudkan oleh digitalisasi bagi mencapai penyelesaian yang menyeluruh dan berasaskan konsensus.

10. Kesepakatan yang dicapai oleh Menteri-menteri Kewangan APEC semasa AVFMM 2020 dizahirkan melalui “Kenyataan Bersama Mesyuarat Maya Menteri-Menteri Kewangan APEC bagi Menangani COVID-19 dan Langkah-Langkah Pemulihan” (*APEC Virtual Finance Ministerial Statement On Mitigation And Recovery Of COVID-19 Pandemic*) yang dilampirkan.

Sekian, terima kasih.